

Kualiti air Tasik dan Wetland Putrajaya

SEKOR kura-kura berenang di dalam anak sungai sempadan Serdang sebelum masuk ke Tasik Putrajaya.

KEINDAHAN Tasik dan Wetland Putrajaya diakui antara tarikan utama pelancong ke Putrajaya.

Selain menjadi tempat rekreasi, tasik buatan terbesar di rantau tropika itu diiktiraf sebagai Tapak Demonstrasi Ekohidrologi dan dijadikan contoh pengurusan lembangan tasik bersepadu oleh Program Hidrologi Antarabangsa (IHP) Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Pengurusan kawasan tadahan air bersepadu yang dipraktikkan di Tasik dan Wetland Putrajaya itu meletakkannya pada peringkat kedua iaitu tapak demonstrasi operasi bersama tujuh tapak demonstrasi ekohidrologi lain di dunia.

Ia satu-satunya tasik di Asia Tenggara yang mendapat kedudukan itu sejak dipilih pada tahun 2010.

Selama tujuh tahun di peringkat kedua, Tasik dan Wetland Putrajaya masih berdepan cabaran bagi mengekalkan kualiti airnya.

Pencemaran yang berlaku boleh menjejaskan kedudukannya sebagai tapak demonstrasi ekohidrologi UNESCO, sekali gus melambatkan peluang untuk menjadi tapak demonstrasi ekohidrologi berstatus rujukan dunia.

Pada masa ini, hanya terdapat tiga buah tapak di dunia iaitu dua di Poland dan satu di Portugal yang mencapai peringkat pertama serta dianggap sebagai makmal hidup bagi keseimbangan air serta ekosistem.

Pencemaran

Penyelaras inisiatif tapak demonstrasi ekohidrologi UNESCO di Tasik dan Wetland Putrajaya, **Dr. Rahmah Elfitri** berkata, daripada lapan isu yang dibangkitkan di tapak demonstrasi global, hanya isu pencemaran dan penurunan kualiti air yang dikenal pasti sebagai isu utama di Tasik Putrajaya.

Pensyarah Kanan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu berkata,

masalah tersebut berkait rapat dengan tingkah laku manusia yang menjadi penyumbang utama dan merosakkan keseimbangan ekosistem.

Sekiranya ekosistem tidak dijaga dan dipelihara dengan baik, besar kemungkinan Tasik dan Wetland Putrajaya akan berdepan dengan isu-isu seperti di tapak lain.

Antaranya ialah isu pengambilan air berlebihan, spesies invasif, kehilangan habitat, penggunaan tanah secara insentif, banjir, kemarau dan kehilangan keupayaan pengekalan tumbuh-tumbuhan.

"Apabila penduduk semakin bertambah, pelancong yang datang semakin ramai, pencemaran air yang masuk ke tasik juga meningkat," katanya.

"Sebelum ini, Tasik dan Wetland Putrajaya satu-satunya tasik di Malaysia yang kualiti airnya pada kelas satu iaitu boleh diminum terus.

"Kini, ada bahagian-bahagian di tasik ini kualiti airnya menurun ke kelas dua," katanya.

Kajian Lestari mendedahkan, pencemaran sampah antara isu paling ketara terutamanya di tepi-tepi tasik yang menjadi tumpuan pengunjung.

Jumlah sampah meningkat berkali ganda khususnya selepas sesebuah acara melibatkan pengunjung yang ramai.

"Mereka membiarkan sampah merata-rata walaupun tong sampah disediakan. Ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah dan tidak bertanggungjawab," katanya.

Keadaan bertambah buruk apabila sisa-sisa daripada kedai makan dan kerja-kerja pembangunan di kawasan sekitar dibawa oleh hujan ke dalam tasik.

Menurut Rahmah, kualiti air juga dipengaruhi kualiti air tasik yang mengalir dari Sungai Chua dan Sungai Bisa yang tercemar.

Sekiranya kualiti air di kedua-dua sungai itu tercemar, keupayaan wetland untuk menapis air sebelum masuk ke tasik akan terjejas.

"Jika pencemaran air dapat dikurangkan sebelum masuk ke Tasik dan Wetland Putrajaya, maka hanya sedikit rawatan air diperlukan," katanya.

Selain itu, infrastruktur bangunan di Putrajaya yang kini semakin berusia turut menyumbang kepada kerosakan dan kebocoran sistem saliran serta perpaipan.

Menguruskan sebuah tasik dan wetland seluas 600 hektar di tengah-tengah bandar raya bukanlah sesuatu yang mudah. Ekosistem buatan di Tasik dan Wetland Putrajaya memerlukan penyelenggaraan berterusan.

Apa yang istimewa, konsep rawatan airnya mesra alam.

Sebelum air Sungai Chua dan Sungai Bisa

memasuki tasik, ia terlebih dahulu melalui siri sel wetland yang dibina di hulu kawasan tasik.

Di kawasan tasik seluas 400 hektar inilah proses-proses pembersihan air secara semula jadi melalui spesies-spesies tumbuhan air yang bertindak sebagai 'buah pinggang' untuk menapis dan menyingkirkan bahan cemar khususnya nutrien nitrogen dan fosforus.

Habitat

Selain berfungsi meningkatkan kualiti air, wetland juga berperanan menjaga keseimbangan habitat bagi menambah baik kepelbagaian akuatik, serangga dan burung.

Perbadanan Putrajaya yang bertanggungjawab ke atas kawasan Tasik dan Wetland Putrajaya mengakui berlaku masalah pencemaran, namun ia bersifat terencil.

"Ia tidak memberi masalah kepada keseluruhan air tasik. Insiden sebegini biasanya berjaya dikesan di peringkat awal dan punca pencemaran alam diatasi, sehingga ke peringkat punca pencemaran," kata **Normaliza Noordin**.

Beliau yang juga Ketua Penolong Pengarah Unit Pengurusan Ekohidrologi, Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland Perbadanan Putrajaya menjelaskan, persampelan kualiti air bagi parameter fisiokimia berjadual dilaksanakan secara bulanan, dwi tahunan dan tahunan di 17 buah lokasi di Tasik Putrajaya.

Katanya, sampah atau bahan terapung dalam tasik dibersihkan secara berterusan untuk menjaga keindahan dan kualiti tasik.

Setiap hari tidak kurang 14 pekerja akan melakukan kerja-kerja pembersihan di Tasik Putrajaya.

Pada masa sama, kerjasama masyarakat untuk menjaga kebersihan dan kualiti air menjadi cabaran kepada Perbadanan Putrajaya kerana kesedaran yang rendah.

Komuniti Putrajaya sama ada yang menginap di kuarters kerajaan, rumah persendirian mahupun pengunjung tempatan dan pelancong antarabangsa juga perlu terlibat secara langsung menjaga kebersihan tasik khususnya. Peniaga dan kontraktor-kontraktor pembinaan juga tidak terlepas daripada tanggungjawab itu.

"Amalan gaya hidup perlu diubah. Sisa makanan, basuhan, minyak terpakai dan sampah sarap diharap tidak dibuang sewenang-wenangnya ke dalam sistem perparitan awam yang dialirkan ke tasik.

"Komitmen menyeluruh semua pihak dapat membantu Tasik dan Wetland Putrajaya diuruskan dengan mapan demi untuk generasi akan datang."

- Bernama

